

**Tindakan malukan DAP - Guan Eng**  
**Utusan Online**  
**28 April, 2012**

KUALA LUMPUR 27 April - Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng menyifatkan tindakan Naib Pengerusi parti itu, Senator Tunku Abdul Aziz Ibrahim yang secara terbuka menolak perhimpunan Gabungan Pilihan Raya Bebas dan Adil (Bersih) sebagai memalukan parti itu.

Beliau juga mendakwa Ahli Dewan Negara itu bersendirian dalam pandangannya itu selain menuduh ahli politik veteran DAP tersebut telah melanggar proses parti.

"Kenyataan Tunku Abdul Aziz telah meletakkan parti ini di dalam kedudukan yang memalukan kerana kita telah dikritik oleh senator kita sendiri.

"Beliau tidak memaklumkan kepimpinan parti akan membuat kenyataan secara terbuka berhubung pendiriannya ini. Ia ternyata bercanggah dengan prinsip DAP," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Tunku Abdul Aziz menggemparkan Dewan Negara semalam apabila secara terbuka menyatakan bantahan terhadap penganjuran perhimpunan haram Bersih di Dataran Merdeka esok.

Naib Pengerusi DAP itu menyatakan pendirian tersebut ketika membahaskan titah ucapan Yang di-Pertuan Agong.

Menurut Guan Eng, bantahan terbuka yang dilakukan oleh Tunku Abdul Aziz itu menjejaskan usaha pembangkang dalam membuat perubahan membabitkan sistem pilihan raya serta memberi kelebihan kepada Barisan Nasional dan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0428&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Politik&pg=po\\_aa.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0428&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_aa.htm)